

Headline	PUSPAKOM TAWAR 25 PERINGKAT PEMERIKSAAN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Turbo	Circulation	279,000
Page No	33	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,470
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,409



PUSPAKOM TAWAR 25 PERINGKAT PEMERIKSAAN **AKTIVITI**

PUSPAKOM menawarkan perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (*Voluntary Vehicle Inspection-VVI*) Percuma mulai 17 sehingga 29 Januari ini yang meliputi 25 peringkat pemeriksaan untuk semua pemilik kenderaan persendirian sempena Tahun Baharu Cina 2016.

Pemilik boleh menghantar kenderaan masing-masing untuk diperiksa di semua cawangan Puspakom di seluruh negara kecuali di cawangan Shah Alam, Mak Mandin dan Kota Bharu.

Kempen VVI secara percuma ini adalah sebahagian inisiatif dan tanggungjawab korporat Puspakom dalam meningkatkan tahap kesedaran keselamatan kenderaan dalam kalangan orang ramai, terutamanya mengenai kepentingan menjalankan pemeriksaan kenderaan secara berkala. Inisiatif ini juga adalah seiring dengan seruan kerajaan dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang tinggi pada musim perayaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom, Mohammed Shukor Ismail berkata, Puspakom mengalu-alukan kedatangan pelanggan ke pusat pemeriksaan untuk menjalani VVI secara percuma. Pemeriksaan VVI merangkumi peringkat seperti ujian pengeluaran asap, gelincir sisi, bahagian atas dan bawah kenderaan, brek dan suspensi dapat memberi pencerahan kepada pelanggan mengenai

bahagian-bahagian kenderaan yang berkemungkinan rosak dan memerlukan perhatian.

"Laporan melalui pemeriksaan VVI ini, dapat memudahkan pelanggan membuat penyelenggaraan dan pembaikan selanjutnya terhadap kenderaan mereka. Pelanggan boleh terus mengunjungi cawangan kami tanpa perlu menunggu dan membuat temu janji.

"Melakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan terhadap kenderaan adalah sama penting. Ini boleh menjamin keselamatan kenderaan dan orang tersayang anda," katanya.

Pelanggan boleh menjalani VVI secara percuma dari jam 8 pagi hingga 5 petang setiap hari (mengikut waktu operasi setiap cawangan).

Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi talian bebas tol Puspakom 1-800-88-6927 atau layari laman sesawang Puspakom di www.puspakom.com.my.

MENGENAI PUSPAKOM

Ditubuhkan pada 1994, Puspakom, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad. Ia merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian bagi tujuan pembiayaan sewa beli, pindah milik dan insurans.

Gambar sumber: www.puspakom.com.my/